



# Kolokium Siswazah KITA Sem 1 Sesi 2020/2021

Sarjana | Doktor Falsafah, Pengajian Etnik

17 DIS 2020 (KHAMIS)

9 PG - 4 PTG

MS Teams - <http://shorturl.at/cuK89>



**Buku Atur Cara & Abstrak**  
*Programme & Abstracts Booklet*

## Semester 1, Sesi 2020/2021

17 Disember 2020 (Khamis)  
9 pagi – 4.30 petang

Melalui Microsoft Teams  
(<http://shorturl.at/cuK89>)



Institut Kajian Etnik (KITA)  
Kolej Keris Mas  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Nama: MARY ELLEN GIDAH  
No. Pelajar: P103434  
Program: Doktor Falsafah (Pengajian Etnik)  
Penyelia: Dr. Eric Olmedo & Prof. Datin Dr. Ruzy  
Suliza Hashim  
Tahap Pembentangan: Usulan

### **DIVINE FEMININE CONSCIOUSNESS IN MARION ZIMMER BRADLEY'S AVALON**

This study examines the modern reworking of the grail quest drawn from Arthurian legends. Marion Zimmer Bradley's *The Mists of Avalon*, *The Forest House*, *Lady of Avalon*, and *Priestess of Avalon* present the worship of the Divine Feminine which differs greatly from patriarchal Judeo-Christian religious experience. Previous studies show a gap in unravelling the search for a personal experience of a divine cosmic consciousness. Based on this premise, this study is a reading of Bradley's Arthurian novels within a consciousness framework. It is driven by two major objectives: first, to trace the arc of the archetypal soul quest derived from the heroine's journey in order to explore how she achieves divine cosmic consciousness (apotheosis). The second major objective of this research is to uncover how Bradley's retelling of the Arthurian legends reveals the matrix of a divine consciousness which permeates human physical reality. The conceptual framework for consciousness is drawn from the disciplines of psychology and anthropology and New Age metaphysical perspectives which divulge how consciousness shapes the human experience of physical reality. The findings of this study support the central thesis that the feminine principle is both High Priestess (human carnal consciousness) and Goddess (cosmic divine consciousness), and that the High Priestess' geographical and temporal journeyings through the archetypal landscape of Avalon is representative of the movement within human consciousness in the search for apotheosis. This happens when the inward quest is completed and the Priestess' fragmented psyche is united and made whole through the realization of the Divine within – that she is herself the Goddess she has sought outwardly for much of her life. Such is the value of the realization of one's personal myth: that the base self is transcended and transformed through recognition of and union with the Divine. The implication of this thesis reveals that Bradley has built into her Avalon novels powerful archetypes that link consciousness, women's experiences, and divinity, that when put together, form a coherent and congruent commentary on cosmic awareness which may be useful as a reading lens for works along similar trajectories.

Nama: BEH SANG HOW  
No. Pelajar: P91328  
Program: Doktor Falsafah (Pengajian Etnik)  
Penyelia: Dr. Pue Giok Hun & Dr. Rachel Chan Suet  
Kay  
Tahap Pembentangan: Laporan Kemajuan

### **DINAMIKA KESEPADUAN NASIONAL PERINGKAT AKAR UMBI MASYARAKAT MALAYSIA: KAJIAN KES PENDUDUK KAWASAN RUKUN TETANGGA**

Isu menguruskan perbezaan sosial mengikut garis etnik masih kekal menjadi satu isu yang sensitif dan kritikal dalam masyarakat multi-etnik di Malaysia hari ini telah menyebabkan kerajaan giat melakukan usaha-usaha proaktif untuk memupuk perpaduan yang dikatakan masih belum tercapai, termasuklah melalui program Rukun Tetangga. Kajian ini ingin mengkaji sejauh mana terbinanya perpaduan di kalangan penduduk Kawasan Rukun Tetangga (KRT) di seluruh negara hari ini setelah mula dilancarkan 45 tahun dahulu. Terdapat empat objektif dalam kajian ini iaitu (1) mengenal pasti pola pengaruh faktor etnisiti ke atas kesepaduan nasional di kalangan masyarakat Malaysia; (2) mengenal pasti faktor-faktor lain selain etnisiti yang mempengaruhi kesepaduan nasional dalam kalangan masyarakat Malaysia; (3) menganalisis hubungkait faktor-faktor dalam mempengaruhi kesepaduan nasional di kalangan masyarakat Malaysia; dan (4) mengupas perbandingan antara dapatan IPNas dengan dapatan kajian ini. Teori modenisasi yang digembeleng dengan konsep 'padu' dan konsep 'batas etnik' digunakan dalam kajian ini. Kajian dijalankan menggunakan borang soal selidik yang diadaptasi daripada model kajian IPNas (2018). Data kuantitatif daripada 585 responden dengan latar belakang etnik dan kawasan tempat tinggal yang berbeza-beza dari KRT telah dianalisis menggunakan program Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi 25 dan Partial Least Square Structural Equation Modelling (PLS-SEM). Hasil kajian menunjukkan tahap kesepaduan nasional adalah terbina dan baik dalam kalangan penduduk KRT merentas kepelbagaian etnik, bahasa dan agama. Semangat perpaduan yang terbina dalam jati diri penduduk turut menunjukkan ciri kolektif bangsa Malaysia telah mengatasi ikatan primordial keetnikan. Penduduk KRT Malaysia juga mempunyai kesepaduan sosial, hubungan sosial rentas etnik, etos bangsa serta tadbir urus kerajaan dan pembangunan menyokong dengan dapatan IPNas (2018). Kajian ini telah berjaya membuktikan signifikansi program KRT sebagai tapak integrasi yang berkesan di peringkat akar umbi masyarakat. Sehubungan itu, kerajaan juga dapat mengambil iktibar dapatan kajian ini dalam menambahbaik program KRT dan penggubalan dasar perpaduan negara yang lebih menyeluruh dan berkesan.

Nama: MANSURNI ABADI  
No. Pelajar: P93196  
Program: Sarjan (Pengajian Etnik)  
Penyelia: Dr. Pue Giok Hun  
Tahap: Usulan  
Pembentangan:

### **PENGARUH TEKNOLOGI DIGITAL KE ATAS IDENTITI ETNO-RELIGIUS MELAYU: PERBANDINGAN ANTARA GENERASI MILLENIAL MELAYU KELANTAN DI LEMBANG KLANG DAN DI KELANTAN. MALAYSIA**

Generasi Millinieal sebagai generasi baharu yang lahir dan tumbuh dalam persekitaran teknologi maju akibat revolusi industri 4.0 telah menciptakan karakteristik generasi yang berbeza dari sebelumnya, dikenal sebagai generasi yang mudah berkoneksi satu sama lain tanpa sempadan telahpun merubah minda dan perilaku mereka yang dikenal sebagai generasi kalaborator, penggerak kreatifiti, dan inklusif tetapi juga mempunyai pikiran dan tindakan yang berbeza terhadap idea-idea lama utamanya budaya. mereka menjadi penentu tetap bertahan atau terhapusnya suatu budaya ,salah satunya ialah etno-religius suatu fenomena sosial yang berkait rapat dengan pembentukan identiti kelompok dengan ikatan agama yang selalunya bisa kita jumpai di banyak etnik dunia, salah satunya pada etnik melayu di Malaysia. Penelitian ini akan cuba mengenal pasti bagaimana kemudian keberlangsungan idea Ethno-religuis ini di kalangan belia millinieal etnis melayu utamanya melayu Kelantan dengan studi perbandingan antara mereka yang tinggal dinegeri Kelantan yang selama ini di kenal mempunyai suasana keislamaan dan kemelayuan yang lebih tebal berbanding negeri lainnya dengan membandingkannya dengan belia melayu-kelantan yang tinggal di lembah klang yang memiliki persekitaran relatif bebas dengan menggunakan teori identiti sosial daripada tajfel (1979) dari identifikasi sosial, pengkategorian sosial, perbandingan sosial , dan keistimewaan sosial yang akan di analisis menggunakan kaedah kualitatif dengan temu buat terstruktur, studi lapangan (live-in), dan kajian kepustakaan.

Nama: CUT MAYA APRITA SARI  
No. Pelajar: P100936  
Program: Doktor Falsafah (Pengajian Etnik)  
Penyelia: Prof Madya Dr. Kartini Aboo Talib@Khalid & Dr. Shazlin Amir Hamzah  
Tahap Pembentangan: Usulan

### **ANALISIS EKSISTENSI IDEOLOGI ETNONASIONALISME DALAM KEBANGKITAN GERAKAN ACEH SUMATERA NATIONAL LIBERATION FRONT (ASNLF) PASCA PERJANJIAN PERDAMAIAN MOU HELSINKI TAHUN 2005**

Aceh Sumatera National Liberation Front (ASNLF) merupakan satu gerakan sosial yang muncul pada April 2012. Gerakan ini merupakan gerakan lanjutan dari Gerakan Aceh Merdeka (GAM) yang disebut sebagai gerakan separatisme oleh pemerintah Indonesia. Konflik antara GAM dengan pemerintah Indonesia berterusan dari tahun 1976 sehingga tahun 2005 dan berakhir setelah terwujudnya perjanjian perdamaian MoU Helsinki pada 15 Ogos 2005. Namun demikian, sebagian mantan anggota GAM tidak menyetujui perjanjian perdamaian ini dan menganggap bahawa pemerintah Indonesia masih menjalankan praktik kolonialisme terhadap Aceh dengan mengabaikan hak-hak minoriti. Oleh kerana itu, perasaaan tidak puas hati ini diwujudkan dengan mendirikan ASNLF yang bertujuan untuk membentuk "a Successor State of Aceh Merdeka" yang merupakan sambungan dari kerajaan Aceh yang jaya di masa lampau. Sama seperti GAM, gerakan ASNLF menggunakan ideologi etnonasionalisme Aceh untuk membangkitkan sentimen etnik sebagai motor dari pergerakannya. Perbezaannya adalah kewujudan ideologi etnonasionalisme GAM ditunjukkan dengan 'hard power' secara ekstrem. Manakala ASNLF menggunakan 'soft power' berbentuk internasionalisasi gerakannya di peringkat antara bangsa. Terhadap nya kajian mengenai ASNLF menjadi salah satu motivasi utama dalam mengkaji permasalahan ini. Dengan menggunakan metode kualitatif, kajian ini mengangkat permasalahan utama iaitu: Bagaimana impak eksistensi ideologi etnonasionalisme dalam kebangkitan gerakan Aceh Sumatera National Liberation Front pasca perjanjian perdamaian MoU Helsinki 2005. Bagi menjawab permasalahan kajian, data akan dianalisis menggunakan teori gerakan sosial dan teori etnonasionalisme. Temuan dari kajian ini diharapkan menjadi jambatan penghubung antara pemerintah dan ASNLF untuk memetakan serta menyelesaikan konflik yang mungkin muncul. Selanjutnya, kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan akademik bagi menjaga perdamaian Aceh yang berterusan.

Nama: MUHD NAZRIN NORZAIDI  
No. Pelajar: P90609  
Program: Sarjana (Pengajian Etnik)  
Penyelia: Prof Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri  
Baharuddin & Prof. Madya Dr Kartini Aboo  
Talib@Khalid  
Tahap Pembentangan: Laporan kemajuan

**PEMBINGKAIAN KEBUDAYAAN: KONGRES KEBUDAYAAN  
KEBANGSAAN 1971 DAN KONGRES BUDAYA 2017 SERTA  
PEMBENTUKAN HABITUS NASIONAL**

Pembingkaiian atau frames merupakan satu teori komunikasi pada awalnya dan kemudiannya mengalami satu variasi ontologi dalam sains sosial lalu memberikan satu perluasan operasionalisasi bagi sesebuah penelitian. Bingkai digunakan menjadi penanda bagi sesuatu penafsiran yang memuatkan realiti secara selektif untuk membentuk situasi, kod, acara dan pengalaman selain urutan tindakan sesebuah entiti seperti parti politik atau kolektif sosial dan diartikulasikan berdasarkan kepentingan ruang dan waktu. Bermula berdasarkan latar rusuhan kaum tahun 1969, maka telah berlaku satu usaha penakrifan autoriti negara dalam penetapan budaya dan rupa wajah kebangsaan menerusi Kongres Kebudayaan Kebangsaan 1971. Ia kemudian diterjemahkan kepada sebuah dasar yang dinamakan Dasar Budaya Kebangsaan. Pembingkaiian kebudayaan ini dilapisi dengan usaha terangan sebagai sebuah nasionalisme budaya. Selepas 46 tahun, Kongres Budaya 2017 pula diadakan bagi memberi tafsiran lebih baru kepada bentuk kebudayaan kebangsaan. Kajian ini melihat kepada persoalan bagaimana pembingkaiian wacana menerusi acara seperti kongres memainkan peranan menjadi satu penanda dan malah memberikan amplifikasi kepada elemen-elemen nasionalisme budaya yang lebih terkemudian. Menerusi analisis wacana yang dilakukan terhadap teks Asas Kebudayaan Kebangsaan dan resolusi kongres budaya 2017, penemuan kajian memperlihatkan bahawa wujud perluasan makna tradisionalisme melayu sehingga terjadi penghierarkian budaya melayu kepada satu bentuk budaya tinggi. Pembingkaiian wacana seperti unsur "budi" dan "raja" telah membulatkan lagi sifat kemelayuan dalam kebudayaan kebangsaan. Transisi bingkai dari kongres ke kongres memposisikan budaya melayu, bahasa melayu dan agama Islam lalu membentuk suatu habitus nasional yang mapan sehingga ia menjadi sebuah kebangsaan yang eksklusif tetapi pada masa yang sama inklusif dalam operasionalisasi perlembagaan dan rukun negara. Bingkai kebudayaan ini kemudian menjadi titik rujuk untuk nasionalis budaya Melayu.

Nama: MUHAMMAD HELMY BIN ABD GAPAR  
No. Pelajar: P106387  
Program: Doktor Falsafah (Pengajian Etnik)  
Penyelia: Prof Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri  
Baharuddin & Prof. Madya Dr. Kartini Aboo  
Talib@Khalid  
Tahap Pembentangan: Usulan

**SUKAN DAN PERPADUAN: KAJIAN TERHADAP PERKEMBANGAN SUKAN  
DAN HUBUNGANNYA DALAM PEMBINAAN TAPAK INTEGRASI DI  
NEGERI SABAH**

Dewasa ini, peranan aktiviti sukan dalam rangka mewujudkan perpaduan antara masyarakat seringkali merajai ruang wacana yang bersifat massa. Wacana ini dimanifestasikan dalam pelbagai medium antaranya adalah seperti penulisan ilmiah dan popular, temu bual, forum, dan sebagainya. Boleh diperkirakan rata-rata khalayak yang membahaskan perkara ini senada bahawa aktiviti sukan adalah sebuah wadah yang ampuh untuk membina tapak integrasi yang seterusnya, menghalia kepada pembentukan perpaduan. Dalam konteks Malaysia, menghubungkan sukan dan perpaduan mula dipandang secara serius selepas berlakunya tragedi 13 Mei 1969. Bahkan ia menjadi salah satu mekanisme penting yang ditekankan oleh pihak kerajaan selain daripada pemaktuban Rukun Negara, pengenalan Dasar Ekonomi Baru, dan pewujudan beberapa lagi agensi kerajaan lain, yang tujuan penubuhannya adalah untuk mencapai hasrat idaman iaitu Perpaduan Nasional. Setiap perancangan ini pastinya memiliki matlamat dan strategi pelaksanaan yang telah disusun dengan rapi agar ia berjalan dengan baik dan mencapai hasrat idaman seperti yang dinyatakan. Akan tetapi dalam konteks sukan, perkara ini seolah-olah dinyah-sampingkan. Meskipun pihak kerajaan menyedari bahawa aktiviti sukan mampu untuk menggalang perpaduan, tetapi sehingga ke hari ini tidak ada satu pun mekanisme sistematik atau model perpaduan melalui aktiviti sukan yang dibentuk dan diusulkan oleh pihak kerajaan mahupun ahli akademik yang terlibat secara langsung dalam kajian sukan di Malaysia. Oleh yang demikian, kajian ini diusulkan untuk menilai kembali peranan aktiviti sukan dalam rangka menjambatani hubungan antara masyarakat di Malaysia. Usulan ini memberi fokus kepada perkembangan sukan di negeri Sabah. Pemilihan negeri Sabah sebagai fokus penelitian adalah kerana kurangnya penyelidikan yang bertemakan sukan di negeri ini, apatah lagi penelitian yang membincangkan hubungkait antara sukan dan masyarakat Sabah yang secara umumnya, diketahui umum akan kerencaman etniknya. Dengan memberi fokus kepada negeri Sabah, sefidaknya, penelitian ini mampu memberi satu rangsangan dan menyumbang kepada wacana baharu khususnya mengenai hubungkait sukan dalam pembinaan perpaduan di Malaysia.

## **Sekalung Penghargaan / Acknowledgements**

### **Pengulas / Reviewers:**

- Dr. Jamaluddin Aziz (FSSK)
- Prof. Madya Dr. Mohd Sobhi Ishak (UUM)
- Prof. Dr. Mansor Mat Noor (KITA) • Prof. Madya Dr. Ahmad Nidzammuddin Sulaiman (UPM)
- Dr. Md Khaldun Munip Abd Malek (KITA)

### **Urusetia / Committee:**

- Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin
- PM Dr. Kartini Aboo Talib @ Khalid • Dr. Shazlin Amir Hamzah
  - Dr. Pue Giok Hun • Cik Najatulmuna • Pn. Suhana Bahtiar •
  - En. Muhamad Shamri Rahmat • En. Mohd Norakmar Mohd Nordin • Muhammad Helmy Abd Gapar